

ORIGINAL ARTICLE

**GENDER DAN KETIDAKADILAN DALAM NOVEL ANTHIMAKAALAM****GENDER AND INEQUALITY IN ANTHIMAKAALAM****Saravanan P. Veeramuthu ¹****Manonmani Devi M.A.R Annamalai ²**

¹ Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia / School of Humanities, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Email: saravanan@usm.my

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia / Faculty of Languages and Communication Human Sciences, Sultan Idris Education University, Malaysia.

Email: manonmanidevi@fbk.upsi.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/15>

Abstrak

Proses penciptaan sebuah karya bermula daripada pengalaman batin pengarang melihat kehidupannya dari aspek sosial, budaya, politik, ekonomi, keagamaan, moral, mahupun gender. Lantaran itu, hasil penulisan itu yang sering kali diwarnai dan didasari oleh sikap, latar belakang dan keyakinan dan kepercayaan pengarang itu sendiri. Salah satu aspek yang menarik untuk kita kaji dalam karya yang dihasilkan ialah kehadiran watak dan perwatakan wanita. Kajian ini bertitik tolak daripada kesedaran bahawa karya-karya sastera oleh pengarang lelaki sering menggambarkan wanita dengan tidak adil. Oleh itu, penelitian ini cuba menyelami sejauhmana pendirian ini menonjol dalam karya Re. Karthigesu dan melihat adakah kebenaran dalam tanggapan seumpama ini. Di samping itu, kajian ini juga cuba mendekati watak dan perwatakan wanita dalam novel *Anthima kaalam* membuktikan bahawa wanita mempunyai imej, pengalaman, suara, keinginan, wawasan, bahasa dan budaya mereka yang dicemari oleh ketidakadilan. Dalam novel ini terdapat tujuh watak wanita. Watak tersebut ialah Janaki, Radha, Annapurani, "Attai", Ibu Sivamani, Mother Maggie dan Ibu Janaki. Kajian ini akan dikupas menggunakan tujuh watak ini dengan merujuk kepada latar cerita dan kedudukan mereka dalam garapan plot cerita ini. Untuk itu, lima manifestasi yang telah dikemukakan oleh Mansour Fakih (2002) akan digunakan sebagai landasan untuk membicarakan ketidakadilan yang terpaksa ditempuhi oleh watak dan perwatakan wanita dalam novel ini. Re Karthigesu jelas lebih selesa untuk membela watak-watak lelakinya berbanding watak wanita. Nampaknya dalam membina perkembangan ceritanya, Re. Karthigesu memilih untuk melihat wanita sebagai golongan yang

menjadi pelengkap sahaja kepada dunia lelaki. Lantaran itu watak-watak wanita tersebut terikat dan tenggelam dalam nilai-nilai konvensional yang membentuk tanggapan pengarang.

Kata kunci: Wanita, Gender, Keadilan, Watak dan Perwatakan, Novel, *Anthima Kaalam*

Abstract

The process of creating a work begins from the inner experience of the author sees his life from social, cultural, political, economic, religious, moral, or gender aspects. Therefore, the result of his writing is often influenced and based on the attitude, background and beliefs of the authors themselves. one of the interesting aspects to be studied in the literary works is about the presence of female's character and their characteristic. This study is based on the realization that literary works by male authors often illustrate women unfairly. Therefore, this research tries to find out how far this position stands out in the Re. Karthigesu's novel and determine how this kind of response is truth. In addition, this study also attempts to approach the female's character and their characteristic in the *Anthima Kaalam* novel to prove that women have their image, experience, voice, desires, insights, languages and cultures contaminated by injustice. There are seven female characters in this novel. The characters are Janaki, Radha, Annapurani, "Attai", Mrs. Sivamani, Mother Maggie and Mrs. Janaki. The study will be clarified using these seven female characters by referring to their story background and position in the plot of this novel. Therefore, the five manifestations that Mansour Fakih (2002) has put forward will be used as a platform to illustrate the injustices faced by female's character and their characteristic in this novel. Re. Karthigesu is definitely more comfortable defending his characters than female characters. Apparently in developing the story, Re. Karthigesu has been chosen to see female as the only complement to the male world. Hence, the characters of the woman are bound and immersed in conventional values that make up the author's response.

Keywords: Female, Gender, Libiality, Character and Characteristic, Novel, *Anthima Kaalam*

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 10th January 2019, revised 30th January 2019, accepted 15th March 2019

1.0 Pengenalan

Karya sastera merupakan suatu bentuk dan hasil seni kreatif yang menggunakan bahasa sebagai mediumnya manakala objeknya ialah manusia dan kehidupannya. Karya sastera sebenarnya merupakan hasil refleksi pemikiran manusia yang dituangkan dalam bentuk tulisan, mahupun

gambar yang memiliki nilai keindahan. Proses penciptaan sebuah karya bermula daripada pengalaman batin pengarang melihat kehidupannya dari aspek sosial, budaya, politik, ekonomi, keagamaan, moral, mahupun gender. Lantaran itu, hasil penulisannya itu yang sering kali diwarnai dan didasari oleh sikap, latar belakang dan keyakinan dan kepercayaan pengarang itu sendiri. Salah satu aspek yang menarik untuk kita kaji dalam karya yang dihasilkan ialah kehadiran watak dan perwatakan wanita. Dalam kajian Azlinda Abdul Aziz (2002)¹ yang bertajuk citra wanita dalam karya-karya Zaharah Nawawi segelintir penulis wanita seperti Khadijah Hashim, Fatimah Busu dan Anis Sabirin sahaja mendapat perhatian malahan Azlinda Abdul Aziz turut berpendapat bahawa penulis lelaki tidak mampu menyelami isu-isu berkaitan wanita secara berkesan.

Dalam konteks kehidupan kita wanita ialah gender yang sering dilihat sebagai golongan yang memiliki kelebihan dan kekurangannya. Jika ditinjau dari sudut ini segala keunikan wanita sering menjadi hal yang diangkat sebagai tema dalam sebuah karya sastera secara umumnya dan dalam masyarakat Timur seperti kita khususnya. Wanita masih dianggap sebagai makhluk yang lemah berbanding dengan kaum lelaki. Mereka hanya dianggap sebagai pelengkap kepada golongan lelaki dan hanya terbatas dalam peranannya sebagai isteri atau ibu. Sehubungan dengan itu, aliran feminisme cuba menyuntik kesedaran pembaca untuk menilai suatustastera dari kaca mata wanita. Secara mudahnya feminisme memperjuangkan dua aspek yakni hak persamaan dengan golongan lelaki dan autonomi diri. Selain itu mereka juga berpendapat bahawa kelemahan golonganwanita bukan kerana kudrat mereka lemah tetapi disebabkan oleh golongan lelaki yang sering mengambil kesempatan. Membunga@Siti Meriam Yaacob (2010)² telah mengemukakan pendapat ini dalam kajian bertajuk “Wanita dalam Karya Hamzah Hussein dari Perspektif Kritikan Feminis Pulau Pinang”.

Perbezaan antara lelaki dan wanita dapat dilihat dari dua aspek yakni dari segi kelamin atau seks dan yang kedua dari segi gender. Seorang lelaki dianggap sepatutnya memiliki sifat berani, bertubuh kuat, tidak mudah menangis manakala wanita pula dijangka memiliki sifat keibuan, lemah lembut, dan sensitif. Anggapan ini tidak semestinya sesuatu yang mutlak dan sering kali berkait rapat dengan zaman tertentu. Berdasarkan tuntutan dan perkembangan zaman tersebut pola pemikiran masyarakat berkembang dan menebarkan anggapan dan norma yang diterima oleh mereka. Jika dihalusi dari sudut seks perbezaan lelaki dan wanita lebih cenderung kepada biologi semula jadi yang bersifat tetap dan tidak dapat diubah sejak kelahiran (Mansour Fakih, 2002)³. Gender merujuk kepada ciri-ciri sosial yang dijangka daripada seseorang sama ada lelaki ataupun wanita (Holmes, 2001)⁴. Gender yang merupakan perkataan yang mula diperkenalkan oleh Oakley, pula merujuk kepada konsep yang bersifat bukan biologi tetapi perbezaan antara lelaki dan wanita yang terzahir melalui proses budaya dan sosial yang panjang. Lantaran itu, konsepgender berkemampuan untuk berubah mengikut masa, tempat dan kelas (Mansour Fakih, 1996)⁵. Konsep gender mula mendapat perhatian apabila sekelompok ahli feminis dari London mengambil keputusan untuk tidak menggunakan lagi istilah seksis/patriaki, dan lebih selesa menggantikannya dengan istilah gender (Showalter, 1989)⁶.

2.0 Pernyataan Masalah

Re.Karthigesu merupakan seorang penulis yang tersohor dalam sastera Tamil Malaysia. Di samping itu, beliau juga merupakan seorang bekas tokoh pendidik institusi pengajian tinggi yang pernah menyandang jawatan profesor. Oleh yang demikian perlukisan novel beliau pastinya memiliki pelbagai keunikan kerana beliau menguasai budaya Tamil di Malaysia dan bijak mengaplikasikan perkara tersebut ke dalam karya beliau. Tambahan pula M. Ramaiyah (1996)⁷ yang membincangkan sejarah sastera Tamil Malaysia telah meletakkan Re.Karthigesu sebagai tokoh pertama dalam senarai penulis Malaysia. Pengiktirafan ini menobatkan kemampuan Re.Karthigesu sebagai penulis Malaysia yang perlu diberi perhatian. Pengiktirafan seumpama ini pastinya mempunyai rasionalnya yang tersendiri. Memandangkan keadaan ini, pengkaji beranggapan bahawa novel Re.Karthigesu yang merupakan seorang tokoh intelek pastinya memiliki pelbagai keistimewaan. Pengaruh kematangan ini mungkin akan tercermin dalam perlukisan novel-novel beliau. Di samping itu, pengkaji turut terpanggil untuk melihat sejauh manakah seorang tokoh penulis yang tersohor dalam bidang akademik ini mengupaskan serta menggambarkan watak wanitanya dalam hasil karya beliau. Sehubungan dengan itu, kajian ini telah memilih pendekatan feminis sebagai wadah pendekatan dalam perbincangan ini. Lantaran itu, kajian ini cuba meneliti bagaimana ketidakadilan gender telah dilakarkan oleh penulis ini dalam karyanya.

Sering menjadi satu polemik bahawa dalam karya-karya yang dihasilkan oleh pengarang lelaki acap kali, watak-watak serta perwatakan imej wanita diberi pandangan stereotaip. Di samping itu sering kali pengalaman wanita dipinggirkan serta suara wanita 'dibisukan' dan bentuk-bentuk paparan yang didokong oleh watak-watak wanita tersebut sekadar menyerlahkan *malecentredness* (Norhayati Ab. Rahman, 2005)⁸. Kajian ini bertitik tolak daripada kesedaran bahawa karya-karya sastera oleh pengarang lelaki sering menggambarkan wanita dengan tidak adil. Oleh itu, penelitian ini cuba menyelami sejauhmana pendirian ini menonjol dalam karya Re.Karthigesu dan melihat adakah kebenaran dalam tanggapan seumpama ini. Di samping itu, kajian ini juga cuba mendekati watak dan perwatakan wanita dalam novel *Anthima kaalam* membuktikan bahawa wanita mempunyai imej, pengalaman, suara, keinginan, wawasan, bahasa dan budaya mereka yang dicemari oleh ketidakadilan?

Novel *Anthima kaalam* ini ditulis oleh pengarang selepas bersara dan menghadapi penyakit yang telah menimbulkan ketakutan kepadanya tentang kematian. Keadaan ini dijelaskan oleh beliau sendiri dalam prakata novel ini (Karthigesu, 2013)⁹. Novel ini telah mendapat pengiktirafan dan menerima hadiah buku Manikavasagam yakni hadiah buku tertinggi untuk buku-buku berbahasa Tamil di Malaysia. Malahan buku ini telah dicetak sebanyak lima edisi iaitu tiga kali di Malaysia dan dua kali oleh penerbit di India. Malahan, novel ini merupakan novel pertama Malaysia yang telah dimasukkan dalam Projek Madurai yang mengumpulkan buku-buku sastera berbahasa Tamil dari seluruh dunia. Novel *Anthima kaalam* ini berkisar tentang hari-hari terakhir seorang guru bersara, yang menghadapi kematian. Dalam menghadapi kegetiran ini watak utama telah meneroka makna melalui hubungan di sekitarnya.

Novel ini berjaya memberi pemahaman yang jelas mengenai kehidupan di usia tua dan kehadiran penyakit sebagai petanda akan berakhirnya kehidupan yang dilalui oleh mereka. Rakaman tentang kekecewaan pada saat akhir menghadapi kematiannya sangat sukar untuk ditempuhi kerana masih ada berberapa isu yang perlu diselesaikan dalam hidup ini. Kajian ini akan mengupas bagaimana pengarang menggunakan hubungan gender dalam latar masyarakat novel ciptaannya. Menurut Ooi (1996)¹⁰ perhubungan gender sering membawa perasaan kuasa dan persoalan kedudukan serta peranan lelaki mahupun wanita, di ruang domestik dan ruang 'public'. Dalam konteks kesusasteraan moden, perasaan menonjol dalam per lukisan novel ialah aspek perhubungan manusia. Konflik luaran dan dalaman yang ditempuh oleh manusia itu adalah teretus daripada perhubungan kuasa dalam pergaulan seharian. Hasil-hasil kesusasteraan boleh dianggap sebagai mencerminkan nilai-nilai, masyarakat pada satu-satu masa tertentu. Lantaran itu, novel ini telah dipilih sebagai teks sumber untuk kajian ini untuk melihat perhubungan kuasa dalam konteks gender.

3.0 Tinjauan lepas


Kajian tentang novel *Antimakaalam* (1998) telah dilakukan oleh Krishnan Ramasamy (2010)¹¹ untuk kajian Phdnya di Universiti Malaya dengan tajuk "A Stylistic Analysis of Re. Karthigesu's Novels: A sociolinguistic study of style". Kajian ini lebih menjurus kepada penelitian gaya kepengarangan Re. Karthigesu dalam empat novel yang terpilih. Manakala Manonmani Devi (2008)¹² telah mengkaji aspek citra wanita dalam lima buah novel Kartigesu termasuk novel yang dikaji ini. Kajian Samenthe Karunanithe (2005)¹³ yang bertajuk "Re. Ka: rththike: cuvin 'anhthima ka: lam': o: r a: yvu'" [Novel *Anthima kaalam*: Satu Kajian] telah melihat novel ini secara menyeluruh. Saravanan P. Veeramuthu (2018)¹⁴ telah melakukan kajian bandingan dengan menggunakan dua buah novel yakni *Mahabbah* karya Shahnnon Ahmad dan *Anthima kaalam* nukilan Re Karthigesu sebagai data kajian. Teori Gerotranscendensi Tornstam (1989)¹⁵ digunakan sebagai kerangka penelitian untuk memahami psikologi watak utama dalam kedua-dua buah novel ini.

Penelitian tentang ketidakadilan gender dan masalah wanita India Malaysia dalam novel tidak dilihat setakat ini. Oleh hal yang demikian kajian ini cuba mengisi kelompangan tersebut dengan menggunakan pendekatan kajian gender.

4.0 Kerangka Teori

Ketidakadilan gender memang merupakan sesuatu yang nyata dan membayangi kehidupan kita. Ramai sarjana yang cuba menyelami topik ini daripada pelbagai sudut seperti dari aspek budaya dan norma masyarakatnya, perundangan, keagamaan, ekonomi dan sebagainya. Pelbagai perspektif yang boleh digunakan untuk melihat dan menganalisis gender. Menurut Mansour Fakhir (2002)³ terdapat lima jenis manifestasi ketidakadilan gender terhadap golongan wanita. Berikut

ialah lima ketidakadilan tersebut. Kelima-lima manifestasi tersebut dirumuskan dalam bentuk rajah seperti di bawah ini:



Rajah 1. Ketidakadilan gender

Lima manifestasi ketidakadilan gender tersebut ialah marginalisasi. Manifestasi ini terzahir dalam bentuk seperti peminggiran dalam konteks ekonomi atau dalam bentuk cerminan kemiskinan kerana mereka ini merupakan golongan wanita. Manifestasi kedua pula melihat golongan wanita berada dalam keadaan subordinasi. Kedudukan mereka lebih rendah daripada golongan lelaki kerana gender mereka. Manifestasi ketiga pula ialah dalam bentuk *stereotype* yakni imej standard yang tidak sesuai dengan kenyataan atau hakikat sebenar. Manifestasi keempat ialah kekerasan. Wanita terpaksa akur kepada kehendak golongan patriarki kerana mereka tidak mampu untuk menyaingi kekerasan yang dilakukan ke atas mereka. Manifestasi ketidakadilan yang terakhir ialah golongan wanita terpaksa memikul beban berganda seperti beban kerja yang lama dan berlebihan semata-mata kerana mereka itu wanita.

5.0 Analisis

Dalam novel ini terdapat tujuh watak wanita. Watak tersebut ialah Janaki, Radha, Annapurani, "Attai", Ibu Sivamani, Mother Maggie dan Ibu Janaki. Kajian ini akan dikupas menggunakan tujuh watak ini dengan merujuk kepada latar cerita dan kedudukan mereka dalam garapan plot cerita ini. Untuk itu, lima manifestasi yang telah dikemukakan oleh Mansour Fakih (2002)³ akan

digunakan sebagai landasan untuk membicarakan ketidakadilan yang terpaksa ditempuhi oleh watak dan perwatakan wanita dalam novel ini.

5.1 Marginalisasi

Marginalisasi yang dihadapi oleh golongan wanita terjadi sejak mereka berada di domain rumah tangga. Dalam konteks ini berlaku perlakuan diskriminasi terhadap anggota keluarga yang dizahirkan kerana mereka itu lelaki ataupun wanita. Proses ini menatijahkan golongan wanita tidak diutamakan dan meletakkan mereka sebagai golongan yang terpinggir dalam bidang ekonomi. Hal ini terjadi kerana wujudnya pendominasian golongan lelaki. Wanita dituntut untuk dianggap mempunyai pandangan yang bersifat feminisme seperti lemah lembut, memikul peranan sebagai pengasuh dan mencerminkan sifat keibuan. Perempuan dipinggirkan daripada pelbagai sektor kehidupan dan bidang ekonomi seperti kegiatan pertanian dan industri. Bidang ekonomi ini memberi keutamaan kepada keterampilan yang biasanya lebih banyak dimiliki oleh golongan lelaki.

Dalam novel ini juga, Re.Karthigesu telah memperlihatkan satu pegangan radikal. Beliau cuba melukis watak Radha, anak Sundram yang begitu berani sehingga keluar dari kepompong institusi kekeluargaannya setelah hilang kepercayaan terhadapnya. Walaupun tindakan Radha ini pada pandangan Sundram dan Janaki menggugat dan mencemarkan nama dan maruah keluarga mereka tetapi Radha telah memecahkan tradisi masyarakat yang terlalu mengongkong wanita dalam cerita novel ini. Usaha ini memperlihatkan keberanian Re. Karthigesu untuk mengetengahkan realiti generasi baru yang tidak mementingkan pertalian keluarga. Namun demikian punca yang menjadi pencetus kepada tindakan watak ini sebenarnya berakar umbi kepada tindakan Sivamani, yakni suami pilihannya dalam konteks kebebasan ekonomi. Layanan suaminya terhadap Radha kerana tuntutan kewangan jelas dalam petikan berikut:

"இதுக்கு முன்னால ஆரம்பிச்ச கம்பெனி எல்லாம் என்னப்பா ஆச்சி? இதுக்கு முன்னால அவகிட்ட இருந்து வாங்கின கடன் எல்லாம் என்ன ஆச்சி?" என்று ஜானகி கேட்டாள்.

"அத்த, வியாபாரத்தில் நட்டம் லாபம்கிறது எல்லாருக்குமே உள்ளதுதான்! முதல் கம்பெனி நொடிச்சிப் போச்சின்னுதான் இரண்டாவது கம்பெனி ஆரம்பிச்சேன்!" என்றான்.

பொறுமையாக இருந்த சுந்தரம் கேட்டார்: "அவகாசு குடுக்காதத்துக்காக நீ அவள அடிச்சதா சொல்லியிருக்காளே! அது உண்மையா?"

அவரை முறைத்துப் பார்தான். "ஆத்திரத்தில் அப்படி இப்படி தட்டியிருப்பேன். அது ஒரு பெரிசா?"

"சிகரெட்டால சூடுவச்சியா?" என்று கேட்டார்.

"நோ, தவறிப்பட்டிருக்கலாம்!" என்றான்.

(Re.Karthigesu, 2013; 54)⁹

Sivamani dalam novel ini melihat Radha yang bekerja itu sebagai marginal. Radha dilakarkan oleh pengarang sebagai wanita yang marginal dan terpaksa akur kepada kehendak diri suami. Hal ini penting kerana begitulah tersuratnya dalam realiti norma masyarakat India Malaysia. Keengganan Radha untuk akur kepada pandangan patriaki ini telah menyebabkan dirinya didera oleh suaminya.

Jelas melalui watak Radha, ciri-ciri seorang wanita Malaysia yang moden begitu ketara. Dia bukan sahaja sanggup melepaskan suami penderanya malah mencari penggantinya Henry, seorang rakan kerjanya yang tinggal di London sebagai pasangan baharunya. Keberanian Radha dalam memilih haluan hidupnya tanpa mempertimbangkan natijahnya turut membuktikan kematangan dan kebijaksanaan golongan wanita generasi berpelajaran yang bebas dari segi kedudukan ekonomi dan mampu mengambil tindakan mengikut kemahuan dan pilihan mereka. Lebih dari itu, Radha sanggup bersekedudukan dengan lelaki asing tanpa ikatan perkahwinan kerana kecewa terhadap Sivamani, suaminya. Malah dia sanggup mengetepikan anaknya seketika untuk memantapkan hubungan itu.

Walaupun begitu tindakan Radha itu kemudiannya menjadi penyesalan apabila dia mengetahui keadaan anaknya Prem yang menghidap penyakit leukemia dan berada di ambang kematian. Radha menganggap penyakit yang telah ditakdirkan itu sebagai balasan kepada “dosanya” yang memecahkan tradisi masyarakat (Re.Karthigesu, 2013: 278)⁹. Pada peleraianya Radha kembali ke pangkuan suaminya, Sivamani dan hidup sebagai suami isteri setelah kematian anak mereka. Kesanggupan Sivamani yang bersedia untuk menerima kembali Radha setelah perbuatan curangnya merupakan satu lagi penyelesaian radikal yang mencirikan kehidupan masyarakat moden. Dalam konteks ini Re. Karthigesu melihat wanita sebagai golongan yang marginal kepada suaminya walaupun mereka mampu untuk berdikari. Ikatan tradisi telah digunakan sebagai alat untuk golongan lelaki menebarkan pandangan seumpama ini dan pengarang turut menyebelahi pendirian ini.

5.2 Subordinasi

Mansour Fakih (1996)¹⁷ berpendapat bahawa pandangan gender menimbulkan subordinasi terhadap perempuan. Hal ini terjadi kerana wujudnya anggapan bahawa wanita itu irasional, emosional, maka dianggap tidak dapat memimpin dan oleh sebab itu mereka layak ditempatkan pada posisi yang tidak penting.

Dalam novel ini watak Janaki menyuguhkan hakikat ini. Janaki dilukis sebagai seorang isteri, ibu, anak dan nenek dalam novel ini. Pencitraannya begitu terikat dengan tradisikewanitaan yang terdapat dalam norma masyarakat Tamil di Malaysia. Dirinya begitu sinonim dengan keluarganya. Re. Karthigesu telah melukis watak dan perwatakan Janaki dilukis sebagai seorang wanita tradisi dalam novel ini. Janaki terbelenggu dalam tradisi masyarakatnya sejak dari kecil. Dia terpaksa menjadi mangsa kepada kedegilan ayah dan abangnya dalam isu

pemilihan suami. Cintanya terhadap Sundram dilihat sebagai sesuatu yang mencemarkan maruah keluarga. Dia terpaksa tunduk kepada kehendak ayahnya walaupun cuba lari dari masalah ini beberapa kali. Kedudukan Janaki dalam keluarganya jelas melalui petikan ini:

"ஜானகியின் அம்மாவும் அண்ணனும் வந்து ஜானகியை மீண்டும் அழைத்துக் கொண்டு போனார்கள். அவள் அழுது கொண்டே போயிருக்கிறாள்"

"தம்பி! நேற்று ஜானகியோடு அவள் அம்மாவும் வீட்டுக்கு வந்திருந்தார்கள். ஜானகியின் அப்பா ஊருக்குப் போயிருக்கிறார். தான் கல்யாண ஏற்பாடு செய்யப் போவதாகவும் அதன்பின் ஜானகியை ஊருக்கு அழைத்து வரும்படியும் அவள் அம்மாவுக்கு உத்தரவு போட்டுப் போயிருக்கிறார். அவள் அம்மாவுக்கு இந்த ஏற்பாடு பிடிக்கவில்லை. அவருக்கு உன்னைத்தான் பிடித்திருக்கிறது. நாராயணன் எப்படியானாலும் ஜானகியை ஊருக்கு அனுப்பியே தீருவேன் என என்னிடம் சவால் விட்டுப் போயிருக்கிறான். அவனுடைய அப்பனுடைய முரட்டுப் புத்திதான் அவனுக்கு இருக்கிறது. நடப்பது நடக்கட்டும். ஜானகியை ஊருக்கு அனுப்ப வேண்டாம் என்று சொல்லியிருக்கிறேன்."

(Re.Karthigesu, 2013; 36)⁹

Dalam hal ini dia tidak diberi sebarang kedudukan untuk menentukan pilihan hatinya untuk membina kehidupannya. Abangnya Narayanan juga bertindak kejam dan menghina apabila mengetahui bahawa adiknya itu telah jatuh hati kepada rakannya yang memang diseganiya itu. Lakaran ini merupakan satu relaiti zaman yang telah diselitkan oleh Re Kartigesu dalam novel ini. Amalan ini merupakan salah satu hakikat yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Tamil Malaysia pada ketika itu. Golongan wanita tidak diberi ruang dan peluang untuk menentukan pasangan hidupnya.

Sebagai isteri pula, Janaki sangat memuliakan suaminya. Apabila mengetahui nasib suaminya, dia begitu sedih dan menjadi seorang isteri mithali yang menganggap tanggungjawab menjaga suaminya sebagai tugas utamanya. Kita dapat melihat hakikat ini apabila dia tidak sanggup melepaskan suaminya tinggal di hospital kerana takut tidak dapat menjalankan kewajipannya sebagai seorang isteri. Ringkasnya tanggungjawab seorang isteri ini telah mewarnai perkembangan watak Janaki sepanjang novel *Anthimakkaalam*.

Sebagai seorang ibu, Janaki memperlihatkan ciri-ciri seorang wanita subordinat. Sejak dari awal dia tidak merestui hubungan Sivamani, dengan anaknya kerana berpendapat Sivamani tidak sesuai untuk diri anaknya. Sundram pula menganggap sikap ini sebagai sifat cemburu seorang ibu apabila anaknya memilih pasangan hidup dan ingin membebaskan dirinya daripada kongkongan ibunya (Re.Karthigesu, 2013; 29)⁹. Selain itu, apabila mengetahui tindakan anaknya yang memilih lelaki lain, dia begitu marah kerana berpendapat maruah keluarganya telah

tercemar. Dia berasa demikian kerana tindakan anaknya itu diumpamakan sebagai menconteng arang ke muka mereka.

Janaki juga dicitrakan sebagai wanita yang dikongkong sepenuhnya oleh adat. Apabila anaknya memerlukan bantuan untuk menjaga anaknya, dia menjadi pilihan utama. Apabila Sundram berada dalam kesusahan dan memerlukan penjagaan, Janaki juga turut menjadi pilihannya. Ternyata bahawa, watak Janaki ini lebih selesa dapat dikategorikan sebagai watak wanita subordinat.

Selain itu, watak Annapurani, kakak Sundram pula boleh dikategorikan juga memperlihatkan kepadakita kedudukan wanita dalam novel ini dilakarkan oleh Re.Karthigesu sebagai golongan yang subordinat. Dia telah mengambil alih tanggungjawab keluarganya setelah kematian ayah mereka. Sepanjang hayatnya dalam novel ini dia digambarkan sentiasa membantu Sundram. Walau bagaimanapun keputusan Annapurani untuk tidak berkahwin juga menggambarkan realiti wanita subordinat yang sanggup berkorban demi keluarganya. Dalam pelbagai situasi, watak ini hidup tanpa bergantung kepada orang lain tetapi adakalanya meminta pertolongan daripada Pak cik Krishnan untuk melakukan perkara-perkara tertentu untuknya. Walaupun watak ini digambarkan bekerja dan mampu berdirikari tetapi Re Karthigesu melukisnya sebagai watak yang subordinat dan terpaksa bergantung kepada lelaki lain. Hal ini jelas apabila dia perlu meminta bantuan Pak cik Krishnan dalam semua hal yang ingin dilakukannya itu. Lihat kutipan ini:

"எனக்கு எதுக்குத் தம்பி பணம்? என்னுடைய சேமிப்பே எனக்குப் போதும். அதோட அந்த சேமிப்பில ஒருபகுதிய எடுத்து இன்னொரு புதுவீட்டுக்கும் முன்பணம் கொடுத்திட்டேன். எல்லாம் இராமகிருஷ்ணன் மாமா மூலமாத்தான். வீடும் இப்ப ரெடியாயிடுச்சி!"

"எங்க இருக்கு அந்த வீடு?"

"மாமா இருக்கிற இடத்திலதான். தைப்பிங்கில!"

(Re.Karthigesu, 2013; 68)⁹

Annapurnani jelas tidak dapat berdirikari. Malahan tindakannya untuk menjauhkan dirinya daripada adiknya agak menarik untuk dibaca tetapi dia akhirnya mengambil keputusannya untuk mencari rumah dekat dengan kediaman Pak Cik Krishan melakarkan kekurangan yang ada pada watak ini. Tindakan ini menunjukkan bahawa dia tidak mampu menonjolkan kekuatan dirinya dalam latar cerita ini.

Begitu juga dengan watak *Attai* dalam novel ini. Watak ini digambarkan sebagai watak yang memerlukan bantuan lelaki untuk meneruskan kehidupannya. Setelah kematian suaminya, dia telah mencari perlindungan kepada abangnya dan seterusnya keluarga abangnya. *Attai* dilihat sebagai watak yang tidak berkemampuan untuk melayari kehidupannya tanpa bantuan orang lain. Hal ini jelas dalam petikan berikut:

அத்தை அதிகமாகப் பேசி சுந்தரம் பார்த்ததில்லை. திடீர்திடீர் என்று "தண்ணிப் பக்கம் போவியா, போவியா?" என அன்னபூரணியையும் சுந்தரத்தையும் முதுகில் அடிப்பாள். அதுவலிக்காது. விளையாட்டு அடிதான். அதைப்பார்த்து இருவரும் சிரிக்கக் கற்றுக் கொண்டார்கள். ஆனால் அத்தை வீட்டு வேலைகள் அத்தனையையும் பொறுப்பாகச் செய்வாள். நன்றாக ஆக்கிப் போடுவாள். ஆனால் சாப்பாடு எப்படி இருக்கிறது என்றுகூடக் கேட்கமாட்டாள். சாப்பிடு என்று சொல்லவும் மாட்டாள். சுந்தரத்திற்கு அவள் ஓர் இயந்திரம்போலவே தென்பட்டாள். சொன்னதையெல்லாம் செய்வாள்.

சாப்பாடு துணி உட்பட எதையும் வாங்கித்தா என்று யாரிடமும் அவள் கேட்டதில்லை. வாங்கிக் கொடுத்தால் பிரித்தும் பார்க்க மாட்டாள். சுந்தரத்தின் இளவயதில் அத்தை என்று ஒரு ஜீவன் வீட்டில் இருப்பதை அவர் கவனித்ததுகூட இல்லை. வீட்டில் கதவு இருப்பது போல ஒரு ஜடமாக இருந்தாள். ஆனால் அவர்களைக் காப்பாற்றினாள்.

(Re.Karthigesu, 2013; 84)⁹

Selain itu, *Attai* juga begitu sinonim dengan peranan tradisi wanita iaitu menguruskan hal-hal rumah tangga. Dia dilihat sebagai wanita yang hanya menghambakan dirinya kepada kerja rumah. Dia membuatnya tanpa rungutan dan sebarang penyesalan. Watak *Attai* iaitu adik kepada bapa Sundram yang kehilangan suaminya dan tinggal dengan keluarga Sundram pula dilukis dengan ciri-ciri seorang wanita yang kurang rasional dalam tindakannya tetapi terikat erat kepada keluarganya. Selain itu, *Attai* bergantung sepenuhnya kepada dunia lelaki sehingga ke akhir hayat. Dia juga terikat dengan budaya dan adat masyarakat India dan menjanda hingga ke penghujung hayatnya.

5.3 Stereotaip

Boleh dikatakan bahawa stereotaip lelaki dan wanita dalam sesebuah masyarakat berbeza mengikut acuan, amalan serta peranan gender tersebut yang telah dipelajari sejak turun-temurun lagi. Dalam konteks masyarakat Tamil yang berbentuk masyarakat patriarki yang telah banyak mengalami pembaharuan dari segi ekonomi dan sosial tetapi masyarakat Tamil India masih terperangkap dengan pemikiran stereotaip yang diwarisi (Pama Periasamy, 2014)¹⁸. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep stereotaip? Menurut Cameron istilah ini merujuk kepada tingkah laku:

To stereotype someone is to interpret their behaviour, personality and so on in terms of a set of common-sense attributions which are applied to whole groups

(Cameron, 1985,8)¹⁹

Manifestasi dalam bentuk stereotaip dalam novel ini ketara melalui beberapa watak wanita dalam novel ini. Sebagai isteri pula, Janaki sangat memuliakan suaminya. Apabila mengetahui nasib suaminya, dia begitu sedih dan menjadi seorang isteri mithali yang menganggap tanggungjawab menjaga suaminya sebagai tugas utamanya.

Ibu Janaki pula seorang wanita yang tidak berpelajaran tetapi mementingkan keluarganya. Watak ini digambarkan sebagai wanita yang memperlihatkan tindakan kurang rasional serta statik dalam perkembangan cerita ini. Namun demikian seperti watak-watak wanita yang lain, watak ini turut bergantung kepada golongan lelaki dalam kehidupannya dan terikat kepada adat dan kebudayaan Timur. Watak ini juga percaya kepada ketentuan Tuhan serta memberi kepentingan kepada aspek kebendaan.

Dalam novel *Anthimakkalam* ini, sekali lagi penulis telah menegaskan kepada pembaca bahawa pengkhususan lelaki pula dalam gelanggang 'public' atau awam. Re. Karthigesu telah menempatkan watak-watak wanita yang terikat dengan tanggungjawab dalam ruang rumah tangga. Mereka memainkan peranan sebagai seorang ibu, gadis, anak, orang tua serta sebagai isteri yang taat kepada suami.

Janaki terhimpit untuk menjaga suaminya yang sakit, dan sebagai seorang ibu yang terpaksa membantu anaknya menjaga cucunya kerana masalah rumah tangga. Janaki dibataskan dalam persekitaran rumah tangga sahaja dalam novel ini. Dia membuktikan dirinya sebagai seorang isteri yang setia dan taat, seorang ibu yang membantu, dan seorang anak yang akur kepada perintah ibu bapanya. Malahan rasional ayahnya untuk memberhentikan pelajarannya kerana beranggapan dunia seorang wanita di rumah tangganya sahaja, dia menerimanya tanpa banyak soal. Anggapan seumpama ini timbul mungkin kerana beberapa sebab. Hal ini mungkin didorong oleh tanggapan berkhidmat di luar rumah hanya sesuai bagi kaum yang lebih kuat dan bertanggungjawab iaitu kaum lelaki. Selain itu, kaum wanita tidak mempunyai kemampuan sama ada dari segi fizikal mahupun mental untuk menghadapi cabaran dan dugaan yang cukup banyak di luar alam rumah. Wanita menjadi manusia sekunder, manusia pinggir, manusia yang dilupakan dan manusia yang dituntut untuk berkorban demi kebahagiaan orang lain kerana budaya dan adat resam menjatuhkan hukuman bahawa wanita seharusnya ditentukan tugas (bukan kuasa) di rumah (Amida Abdulhamid, 2000)²⁰. Pendapat ini jelas kelihatan dalam novel-novel Re. Karthigesu.

Janaki begitu mengambil berat tentang keadaan suaminya berbanding dengan masalah anaknya (Re. Karthigesu, 1998: 50)⁹ kerana terikat kepada tanggapan bahawa dunia rumah tangga lebih penting daripada 'dunia luar'nya. Lihat petikan ini,

Janaki hidup seolah-olah menghambakan diri serta menuruti kehendak suaminya. Tetapi dia tidak pernah melakukannya seperti seorang hamba.

(Re. Karthigesu, 2013: 36)⁹

Malah dialog ini turut mendedahkan bagaimana Re. Karthigesu melihat ruang rumah tangga lebih penting kepada seorang wanita.

Jangan anggap saya bercakap menentang kamu Radha. Suami kamu menjadi seorang agresif. Saya setuju. Kamu boleh bersabar dan tolak ansur tak? Keharmonian keluarga penting bukan? Kalau kamu melarikan diri seperti ini, nanti hubungan ini tidak dapat dipulihkan.

(Re. Karthigesu, 2013: 36)⁹

Dialog di atas ini juga menunjukkan bahawa Re. Karthigesu jelas terikat kepada tanggapan bahawa kuasa seseorang wanita masih terikat dalam ruang rumah tangganya.

Watak Attai juga memperlihatkan nilai-nilai tradisi ini. Dia digambarkan sebagai watak yang memerlukan bantuan lelaki untuk meneruskan kehidupannya. Setelah kematian suaminya, dia telah mencari perlindungan kepada abangnya dan seterusnya keluarga abangnya. Attai dilihat sebagai watak yang tidak berkemampuan untuk melayari kehidupannya tanpa bantuan orang lain. Selain itu, Attai juga begitu sinonim dengan peranan tradisi wanita iaitu menguruskan hal-hal rumah tangga. Dia dilihat sebagai wanita yang hanya menghambakan dirinya kepada kerja rumah. Dia membuatnya tanpa rungutan dan sebarang penyesalan.

Ibu Sivamani, turut memperlihatkan ciri-ciri wanita tradisional yang cuba memantapkan kuasanya dalam persekitaran rumah tangga. Dia telah menghasut Sivamani kerana tindakan Radha yang telah menggugat serta memporak-perandakan maruah dan rumah tangga anaknya. Malah dalam isu mas kahwin, dia digambarkan mewakili wanita tradisi yang cuba menuntut hak anaknya. Walau bagaimanapun watak yang tidak bernama ini kurang dikupaskan dalam perkembangan plot novel ini.

Hanya wanita seperti Mother Maggie sahaja yang dapat melarikan dirinya daripada hakikat ini. Dia tidak lagi terikat dengan keluarga dan menjadi seorang biarawati yang membantu orang lain. Walau bagaimanapun, dia juga turut digambarkan memberi keutamaan kepada keluarganya juga pada kesempatan semasa lawatannya ke Vatican, Rom dia sanggup menziarahi ahli keluarganya.

Isu kuasa ini turut dilihat dengan lebih mendalam lagi apabila Sundram terpaksa bergantung secara fizikal kepada isteri dan kakaknya. Dia berasa malu kerana terpaksa hidup dengan bantuan kedua-dua orang wanita tersebut. Ego lelakinya telah mencabar dirinya (Re. Karthigesu, 2013: 36)⁹. Malah dalam upacara pengkebumian cucunya Prem, Sundram begitu sedih kerana sebagai suaminya dia tidak dapat menyentuh Janaki dan membelainya untuk meredakan kesedihannya.

Perlukisan wanita dalam domain luar rumah tangga agak terbatas dalam novel ini. Persekitaraan tempat kerja Radha tidak dilukis langsung oleh pengarang. Malah nampaknya Re.

Karthigesu lebih melihat wanita dalam dunia rumah tangga semata-mata dalam novel *Anthimakkaalam*.

Walau bagaimanapun dalam konteks watak Mother Maggie, pengarang cuba memperlihatkan usahanya untuk melibatkan wanita dalam domain luar. Mother Maggie telah mengabdikan hidupnya untuk memberi perkhidmatan kepada orang sakit. Dia telah menyahut seruan agamanya untuk berbakti. Malah Mother Maggie begitu dihormati dan disegani dalam persekitaran latar novel ini.

Ringkasnya, Re.Karthigesu tidak memperlihatkan banyak perbezaan dalam perlukisan watak wanita dalam novel ini. Mereka masih seperti wanita-wanita dalam novel-novel terdahulunya iaitu menjadi golongan yang tidak memiliki kuasa.

5.4 Manifestasi kekerasan

Wanita terpaksa akur kepada kehendak golongan patriaki kerana mereka tidak mampu untuk menyaingi kekerasan yang dilakukan ke atas mereka. Dalam novel ini terdapat tiga watak wanita yang jelas memperlihatkan manifestasi ini dalam latar plot cerita ini. Mereka ialah Janaki, ibu Janaki dan Radha.

Janaki telah mengalami pelbagai dugaan dalam zaman remajanya. Dia telah didera oleh abang dan ayahnya. Hal ini ketara apabila hubungan Janaki dengan Sundram diketahui oleh abangnya. Abangnya bertindak kejam dengan memukulnya. Hal ini tidak berhenti setakat itu sahaja. Keluarganya telah mengaturkan perkahwinan mengikut kehendak mereka. Keengganan Janaki telah menyebabkan dirinya telah didera oleh ayah dan abangnya secara fizikal.

Selain itu, Radha juga telah dilukiskan sebagai watak yang telah mengalami kekerasan lelaki dalam novel ini. Hal ini terjadi kerana hubungan Sivamani dan Radha turut terjejas akibat masalah kewangan. Keagresifan Sivamani berpunca daripada kekecewaannya dan kegagalannya dalam dunia perniagaan. Tentangan dan ketiadaan sokongan daripada Radha menyebabkannya bertindak ganas. Punca keretakan mahligai cinta yang dibina oleh mereka ialah akibat keadaan ini. Penderaan yang dialami oleh Radha digamabrkan seperti berikut:

"அப்பா! அந்த மனுஷனப் பத்திப் புரியாம பேசிறிங்க. நான் அவன மிருகம்னு சாதாரணமா சொல்லல. மொதல்ல வாயால திட்டினாரு. பொறுத்துக்கிட்டேன். அப்புறம் பிடிச்சித் தள்ள ஆரம்பிச்சாரு. பொறுத்துக்கிட்டேன். அப்புறம் அடி, கிள்ளல். இப்ப என்ன நடக்குது தெரியுமா அப்பா?"

நைட் டிரசைக் கொஞ்சம் தூக்கி துடையைக் காட்டினாள். தளும்புகள்.
திட்டுத்திட்டாக... "சிகிரெட்டால சூடுவைக்கிறாருப்பா..." விம்மி அழுதாள்.
(Re.Karthigesu, 2013: 36)⁹

Akibatnya Radha yang mencari kuasa yang tidak dapat dikecapinya dalam rumah tangganya di luar tetapi akhirnya dia tewas kerana terikat dengan perasaan keibuannya. Hubungan gender Sivamani dan Radha lebih bersandarkan konflik dalam dunia novel ciptaan Re. Karthigesu ini.

5.5 Manifestasi ketidakadilan beban berganda

Pencitraan wanita dalam novel *Anthimakkaalam* (Re.Karthigesu, 2013: 36)⁹ tidak memberi perlukisan yang selari dengan pandangan golongan feminis. Beliau masih lagi terikat dengan watak-watak lelaki berbanding watak perempuannya. Jika dilihat dari segi psikologi pemikiran watak-watak wanita dalam novel ini, dapat disimpulkan bahawa watak-watak wanita tidak begitu memperlihatkan psikologi pemikiran yang positif dan stabil.

Watak Janaki yang dikupaskan oleh penulis jelas memperlihatkan hakikat ini. Watak ini sentiasa dirundung nasib malang. Sejak dari zaman kanak-kanaknya Janaki telah dizalimi oleh ayahnya yang telah memberhentikan pelajarannya kerana beranggapan pelajaran tidak diperlukan untuk anak wanita. Selepas itu Janaki terpaksa menempuh pelbagai cabaran dalam perjuangannya untuk memiliki Sundram. Tentangan serta paksaan ayah dan abangnya begitu agresif. Dia terpaksa menerima hakikat kahwin paksa walaupun cuba memecah belunggu tersebut tetapi akhirnya tewas dan terpaksa balik kepangkuan rumahnya. Akhirnya kematian ayahnya serta kejahilan abangnya yang telah melenyapkan segala kekayaan warisan ayahnya sahaja yang membantunya untuk berkahwin dengan Sundram. Malah dia terpaksa menghadapi kesemua ini seorang diri kerana Sundram telah ke England untuk melanjutkan pelajarannya.

Dalam usia tuanya, Janaki terpaksa akur kepada hakikat risiko penyakit suaminya yang mungkin membawa kepada maut itu. Dia tidak berupaya menghadapi kehilangan suami tersayang itu. Air mata yang berlinangan dalam setiap detik peristiwa yang mencengkam itu memperlihatkan ketidakupayaan Janaki menanggung realiti kehidupannya itu. Walaupun dia membawa keyakinan dan keberanian tetapi tanggapan yang muncul dalam pemikiran watak Sundram menunjukkan kelemahan Janaki itu.

Kehidupan sebagai janda pasti akan menimbulkan pelbagai masalah kepada Janaki. Arus merana dalam watak Janaki tidak terhenti setakat itu. Tindakan anaknya yang melarikan diri dengan lelaki lain meninggalkan suaminya dan anaknya turut memberi tamparan hebat. Dia mula menilai di mana dia telah melakukan kesilapannya dalam menyemai nilai-nilai murni dalam diri Radha. Malah kehadiran cucunya dalam saat-saat genting itu turut menyulitkan Janaki.

Apabila nasib cucunya yang turut ditimpa penyakit leukemia diketahui, hakikat ini menghancurkan lagi keyakinan dan kepercayaan Janaki. Dia terpaksa menerima tamparan demi tamparan. Di samping itu perbuatan penderaan Sivagami yang diketahuinya melalui Radha menghancurkan lagi hatinya. Tuduhan dan penghinaan daripada menantu dan birasnya turut melukakan hatinya lagi. Ringkasnya watak Janaki kelihatan begitu rapuh dan terdedah kepada ketentuan hidup. Anak lelakinya yang tidak bertanggungjawab, anak perempuannya yang berani menentang tradisi, penyakit suami dan cucunya telah menyebabkan dirinya merana.

Watak Radha dalam novel ini perlu diberi perhatian. Nasib tidak menyebelahi Radha kerana dia telah memilih pasangan hidupnya yang salah. Akibat dirinya yang mengutamakan kepentingan sendiri, Radha menjadi cemuhan keluarganya. Malah dia sendiri menyesali tindakannya yang mengikuti lelaki lain. Walaupun Radha menolak nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakatnya, dia gagal mencari penyelesaian dan kekuatan dirinya dalam menghadapi serta mengharungi kehidupan situasi baru itu. Apabila dia mengetahui wujud jurang dalam hubungan suami isterinya, dia terus melarikan diri kepada Henry untuk mencari perlindungan. Dia sanggup meninggalkan anak kesayangannya dibawah jagaan ibu bapanya semata-mata mementingkan diri sendiri. Memang tindakan ini dihalalkan oleh pejuang feminis tetapi perubahannya selepas mengetahui nasib anaknya mengikat watak ini kepada unsur kasih sayang. Dalam situasi ini watak Radha menonjolkan percanggahan sebagai seorang individu dan seorang ibu. Akhirnya Radha tewas kepada kekuatan kasih sayang keibuannya, malah dia menerima (atau lebih tepat lagi diterima oleh) Sivamani. Dia seterusnya memilih untuk memperbaiki rumah tangganya dan melahirkan anak kedua walaupun tidak begitu gembira.

Watak *Attai* dalam novel ini juga perlu diberi perhatian. Watak yang tidak bernama ini, menyimpulkan realiti kedaiwanita dalam dunia kreativiti Re.Karthigesu dalam novel *Anthimakkaalam*. Janda yang kehilangan suaminya kerana terlemas dalam sungai dilambangkan sebagai wanita yang paling malang dalam cerita ini. Hal ini disimpulkan melalui gangguan mental yang dialaminya itu. Dia telah 'dimakan' oleh ketidakupayaannya untuk menyelamatkan suaminya. Akibat terlalu tertekan dia menjadi kurang waras.

Keadaan janda yang lemah ini, menyebabkannya terpaksa bergantung hidup kepada orang lain sehingga ke penghujung hayatnya. Cara pengarang menyelitkan luahan watak ini tentang kematian juga agak menarik. Sebagai wanita India yang telah kehilangan masa depannya kerana kematian suaminya di sungai dia, sering mengaitkan masalah kehidupan dengan air. 'Jangan pergi dekat air' merupakan reaksinya setiap kali dia bertembung dengan masalah kehidupan. Begitu kecil sekali dunia wanita malang yang merana sepanjang hidupnya itu. Dia menerima nasibnya tanpa berusaha untuk mengubah takdirnya itu.

Watak Annapurani iaitu kakak kepada Sundram turut digambarkan sebagai wanita yang lemah. Walaupun dia berusaha untuk berdikari dia memerlukan Pak cik Krishnan untuk membantunya dalam banyak hal. Selain itu, Annapurani juga terpaksa bergantung kepada mak ciknya iaitu watak *Attai* walaupun dia mendakwa dirinya menjaga *Attai*. Selain itu, dalam hari-

hari terakhirnya dia mengabdikan hidupnya kepada keluarga adiknya iaitu Sundram. Selain itu, dia juga menjadi pembela kepada cinta Sundram sepanjang peninggalan Sundram selama dua tahun. Dia menghadapi masalah tersebut bagi pihak adiknya. Di samping itu dia dicitrakan terikat kepada kasih sayang dan sentiasa menolong adiknya. Tidak ada banyak peristiwa yang mengupas watak ini. Dari segi perkahwinan, Annapurani telah memilih untuk hidupnya sendirian.

Pemikiran watak Mother Maggie, berbeza daripada watak-watak wanita yang lain. Pengarang melukiskannya sebagai wanita yang begitu matang dan rasional. Dia sentiasa berfikir positif serta memberi keyakinan kepada pesakitnya. Sikap yang ditunjukkan oleh pengarang terhadap watak wanita asing berbeza dan positif berbanding wanita India tempatan. Mother Maggie dicitrakan sedemikian rupa mungkin kerana anggapan bahawa masyarakat Barat lebih terbuka dan moden, turut mempengaruhi pengarang dalam penciptaan watak ini. Selain itu, hakikatnya sebagai seorang biarawati juga turut menyumbang kepada keadaan ini. Pengalamannya yang terdedah kepada pelbagai situasi hidup telah menjadikannya seorang wanita yang positif, optimistik, dan terbuka.

Kesimpulannya watak-watak wanita yang telah dibicarakan dalam novel ini begitu goyah dari segi emosi dan terdedah kepada pelbagai ketentuan masa. Mereka terpaksa mengharungi hidup secara merana dan menyerahkannya kepada ketentuan takdir. Walau bagaimanapun dalam novel ini, Re. Karthigesu tidak terlalu mengikat wanitanya dalam lingkungan pemikiran yang sempit.

6.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, Re. Karthigesu jelas lebih selesa untuk membela watak-watak lelaki berbanding watak wanita. Nampaknya dalam membina perkembangan ceritanya, Re. Karthigesu memilih untuk melihat wanita sebagai golongan yang menjadi pelengkap sahaja kepada dunia lelaki. Lantaran itu watak-watak wanita tersebut terikat dan tenggelam dalam nilai-nilai konvensional yang membentuk tanggapan pengarang. Kita akur bahawa falsafah pemikiran feminisme adalah untuk memperjuangkan hak dan martabat golongan wanita serta memperkasa golongan wanita untuk menghadapi hidup bebas dan bahagia. Ternyata apabila kita meneliti watak-watak wanita, kita perlu akui bahawa Re. Karthigesu tidak berjaya membongkar realiti pemikiran ini. Selain itu, novel ini juga membuktikan bahawa Re. Karthigesu turut membuktikan bahawa penulis lelaki pada umumnya dianggap bias kerana kecenderungan dengan semangat patriarki dalam penulisan mereka. Keterikatan Re. Karthigesu kepada pandangan ini agak jelas dalam novel ini. Jika dilihat dalam konteks emansipasi wanita melalui pendidikan, ternyata isu ini masih tidak begitu matang atau menonjol dalam karya Re. Karthigesu ini. Novel Re. Karthigesu yang dikaji ini memperlihatkan bahawa pengarang masih lagi mewarisi pegangan tradisi ini, terutamanya dalam perlukisan perwatakan-perwatakan wanitanya. Tanggapan wanita sebagai gender yang lemah turut diperkukuhkan oleh Re. Karthigesu dalam novel nukilannya.

Salah satu keistimewahan wanita dalam novel Re. Karthigesu ini ialah beliau telah memperlihatkan kepelbagaian watak wanita yang digarapnya dalam nukilan novelnya. Re. Karthigesu mengambil watak wanita Tamil yang sebenarnya di Malaysia, masyarakat wanita bandar, masyarakat wanita yang berpendidikan, masyarakat wanita yang jahil dan tidak berpelajaran serta masyarakat asing. Nampaknya dunia karya Re. Karthigesu tidak berjaya mengajukan watak-watak wanita sebagai contoh yang dapat diteladani dalam karyanya ini. Selain itu, penyelitan unsur-unsur positif yang memperkasa identiti kewanita turut diabaikan. Ringkasnya, beliau tidak berjaya melukis watak-watak yang memiliki 'self-actualizing' diri tanpa bergantung sepenuhnya kepada dunia lelaki dalam novel ini.

Rujukan

1. Azlinda Abdul Aziz. (2002). *The Image of Women in work of Zaharah Nawawi. (Citra wanita dalam karya Zaharah Nawawi)*. (Unpublished Undergraduate Thesis). University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
2. Membunga@Siti Meriam Yaacob. (2010). *Females in the work of Hamzah Hussin through the Perspective Critics of Feminist (Wanita dalam karya Hamzah Hussin dari perspektif kritikan feminis)*. Penang: University Science Malaysia Publications.
3. Mansour Fakih. (2002). *Analisis gender*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
4. Holmes, J. (2001). *An introduction to sociolinguistics*. England: Pearson Education.
5. Mansour Fakih. (1996). *Gender analysis and social transformation (Analisis gender dan transformasi sosial)*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
6. Showalter, E. (1989). *Speaking of gender*. New York: Routledge.
7. Ramaiyah, M. (1996). *Malaysia Tamil ilakkiya varaladdru kalanchiyam*. Sehlam: Puratchi Pannai.
8. Norhayati Ab. Rahman. (2005). *Women's literary fiction in Indonesian and Malaysian female author novels: A gynecological reading (Puitika sastera wanita dalam novel-novel pengarang wanita Indonesia dan Malaysia: Satu bacaan ginokritik)*. (Unpublished Doctoal Thesis). University Science Malaysia, Penang, Malaysia.
9. Karthigesu, R. (2013). *Anthima kaalam*. Kuala Lumpur: Uma Publication.
10. Ooi. E. L. (1996). *Mutakhir Sharon Ahmad Novels, 1980s – 1990s: Gender relation studies (Novel-novel Mutakhir Sharon Ahmad, 1980an-1990an: Satu kajian perhubungan gender)*. (Unpublished Undergraduate Thesis). University Science Malaysia, Penang, Malaysia.
11. Krishnan Ramasamy. (2010). *A stylistic analysis of Re. Karthigesu's novels*. (Unpublished doctoral dissertation). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
12. Manonmani Devi. (2008). *The image of women in novels of R. Karthigesu (Citra wanita dalam novel-novel R. Karthigesu)*. (Unpublished doctoral dissertation). University of Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
13. Samenthe Karunanithe. (2005). *Re. Ka:rththike:cuvin 'anhthima ka:lam' : o:r a:yvu. (Unpublished Scientific Training)*. University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
14. Saravanan P. Veeramuthu. (2018). *Illness in life: A comparative study of Mahabbah and Anthima Kaalam Novel (Penyakit dalam perjalanan hidup: Kajian perbandingan novel Mahabbah dan Anthima Kaalam)*. Shahnnon Ahmad Seminar Paperwork, 28 November 2018, University Sains Malaysia.

15. Tornstam, L. (1999). Gerotranscendence and Reminiscence. *Journal of Aging and Identity*. 4:155-166
16. Mansour Fakih. (1996). *Feminism: Gender Discourse in Islamic perspective (Feminisme; Diskursus gender dalam perspektif Islam)*. Surabaya: Risalah Gusti.
17. Pama Periasamy, P. (2014). *Gender Stereotype in Selected Novels of Ramani Chandran (Stereotaip gender dalam novel terpilih Ramani Chandran)*. (Unpublished Undergraduate Thesis). University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
18. Cameron, D. (1985). *Feminism and linguistic theory*. London: Macmillan.
19. Amida Abdulhamid. (2000). *Fate and Time: Image of women in short stories (Takdir dan waktu: Citra wanita dalam cerpen)*. In Ahmad Kamal Abdullah and Siti Aisah Murad (eds.). *Image of Women in Malay Literature 1930s – 1990s (Citra wanita dalam Sastera Melayu 1930-1990)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Citation in Malay

Saravanan P. Veeramuthu & Manonmani Devi M.A.R Annamalai. (2019). Gender Dan Ketidakadilan Dalam Novel Anthimakaalam. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(2), 207-225. <https://doi.org/10.33306/mjssh/15>

Citation in English

Saravanan P. Veeramuthu & Manonmani Devi M.A.R Annamalai. (2019). Gender And Inequality In Anthimakaalam. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 3(2), 207-225. <https://doi.org/10.33306/mjssh/15>